

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang jumlah pinjaman dan jumlah peminjam PTPTN setiap tahun antara 2010-2021.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod, jumlah pelajar yang telah mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak tahun 2010 sehingga 31 Oktober 2021 adalah seramai 2,353,185 peminjam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM58.25 bilion. Perincian terperinci adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	BILANGAN PEMINJAM (DILULUSKAN PINJAMAN)	AMAUN PERUNTUKAN (RM'JUTA)
2010-2015	1,368,699	34,471.14
2016	190,776	4,583.90
2017	171,310	4,206.54
2018	187,196	4,603.31
2019	177,610	4,169.26
2020	150,567	3,593.22
2021 (sehingga Oktober)	107,027	2,626.68
KESELURUHAN	2,353,185	58,254.05

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai "*management buy-out*" dan penswastaaan GLC-GLC Kerajaan Persekutuan sejak 2010-2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2010 hingga 2021, tiada Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang terlibat dengan "*management buy-out*". Dalam tempoh yang sama, terdapat satu (1) projek penswastaaan telah dilaksanakan yang melibatkan Penang Port Sdn. Bhd. dimuktamadkan pada tahun 2012.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan tentang jumlah wang yang dikeluarkan Kerajaan Persekutuan untuk setiap sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di Parlimen Setiawangsa setiap tahun antara 2010-2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan peruntukan ke sekolah melalui jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) mengikut keperluan bagi memastikan peruntukan dibelanjakan dengan cekap serta dapat memberi impak yang optimum kepada pembangunan pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2010 hingga 2021 sejumlah RM951,771,541 diperuntukkan untuk sekolah-sekolah di Parlimen Setiawangsa. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM476,343,632 telah disalurkan ke sekolah rendah manakala sebanyak RM475,427,909 disalurkan ke sekolah menengah.